

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim dan kerajaan negeri itu dalam masa terdekat bagi mencari jalan penyelesaian terhadap krisis air termasuk membincangkan mengenai cadangan pengambilan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif dan sistem penuaian hujan.

Menterinya Datuk Seri G Palanivel berkata, perbincangan lanjut di peringkat kementerian akan dilaksanakan hari ini sebelum pihaknya menemui Khalid bagi membincangkan perkara itu secara mendalam bagi memastikan krisis air tidak berulang di masa hadapan.

“Menerusi kajian dijalankan jabatan di bawah kementerian ini mendapati banyak sumber air bawah tanah yang berpotensi dan boleh dimanfaatkan namun pelaksanaannya adalah di bawah kawalan kerajaan negeri.

“Sebab itu kita berasakan



PALANIVEL (tengah) menyampaikan geran kepada Rashvin Pal Singh (kanan). Turut hadir, Pengerusi Shell Malaysia lain Lo, semalam.

perlunya persefahaman dalam perkara ini dan kita mengambil inisiatif untuk mengadakan pertemuan dengan beliau (Khalid) demi kepentingan rakyat,” katanya pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Anugerah Geran Pembangunan Mampan Shell di si-

ni, semalam.

Sementara itu Palanivel berkata, selain memanfaatkan sumber air bawah tanah, negara ini perlu mempelajari kejayaan sistem penuaian hujan dan kitar semula air hujan yang dilaksanakan di negara seperti Australia.

“Penadahan air hujan, pengumpulan dan penggunaan semula air hujan serta melencongkan air sungai ke kolam berdekatan adalah antara kaedah penting yang perlu diberi fokus bagi memastikan negara tidak menghadapi krisis air pada masa hadapan,” katanya.